

**SOCIAL WORKERS AND PROTECTION OF VULNERABLE GROUPS: AN INTRODUCTION.** Oleh Syahirah Abdul Shukor, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Dina Imam Supaat. USIM Press. Negeri Sembilan. 2020. Hlm. 104. ISBN 978-967- 440-751-3.

Golongan rentan secara amnya merupakan sekumpulan orang yang memerlukan perlindungan yang lebih dari biasa disebabkan mereka ini berpotensi untuk terdedah pada risiko. Walaupun tidak ada tafsiran tertentu berkaitan golongan rentan, namun golongan ini sering dikaitkan dengan persekitaran dan keadaan sekeliling yang menjadikan seseorang individu itu terdedah pada risiko tertentu serta memerlukan sokongan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) misalnya melihat kerentanan sebagai tahap di mana penduduk, individu atau organisasi tidak dapat menjangka, menghadapi, menentang dan pulih daripada sesuatu kesan bencana. Oleh itu, bagi tujuan memberikan sokongan dan khidmat pada golongan rentan tersebut, maka khidmat sosial diperlukan untuk memberikan perkhidmatan sokongan bagi melindungi dan mengatasi risiko yang dihadapi oleh golongan rentan tersebut.

Buku karya penulisan Syahirah Abdul Shukor, Nik Salida Suhaila Nik Saleh dan Dina Imam Supaat iaitu pensyarah-pensyarah dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan cetusan idea daripada penulis-penulis yang prihatin terhadap perkembangan dan pembangunan semasa golongan rentan di Malaysia dan juga di peringkat global. Buku yang mengandungi 104 halaman ini mempunyai 8 bab yang setiap satunya memfokus pada golongan rentan tertentu iaitu kanak-kanak, wanita, warga tua, orang kurang upaya, pelarian dan orang asli. Kekemasan susunan bab di dalam buku ini memudahkan pembaca mengetahui siapakah yang dimaksudkan dengan golongan rentan serta memahami keperluan bagi setiap jenis golongan rentan yang dibincangkan. Keunikan buku ini pula terletak pada susunan perbincangan di setiap bab yang konsisten berkaitan latar belakang ringkas golongan rentan tertentu, pendefinisian, kedudukan golongan rentan tertentu di peringkat domestik dan juga antarabangsa dari segi undang-undang, isu-isu ketara bagi setiap golongan rentan tersebut serta perspektif Islam terhadap golongan tersebut.

Susunan bab 1 buku ini kemas, namun perbincangan berkaitan golongan rentan secara umumnya sangat ringkas sama ada dari segi takrifan terhadap golongan rentan mahupun sejarah perkembangan golongan rentan. Bab 1 ini dilihat lebih tertumpu pada perbincangan berkaitan dengan kerja sosial yang melibatkan golongan rentan, misalnya perkembangan kerja sosial di peringkat domestik dan di peringkat antarabangsa, agensi-agensi yang terlibat dengan kerja sosial di Malaysia, sama ada agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Institut Sosial Malaysia dan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia serta dasar, polisi dan perundangan yang dibangunkan oleh kerajaan berkaitan dengan golongan rentan. Perbincangan di dalam bab 1 buku ini diteruskan dengan perspektif Islam berkaitan dengan kerja sosial, namun tidak dinyatakan potongan ayat-ayat Al-Quran atau Hadis berkaitan, sekaligus mengundang persoalan sama ada terdapat penjelasan di dalam Al-Quran atau Hadis tentang perkara ini. Selain itu, bab ini juga memberikan perbincangan ringkas berkaitan kedudukan kerja sosial di peringkat global dengan menyatakan hubungkait kerja sosial dengan hak asasi manusia. Bab 1 buku ini disudahi dengan kesimpulan dari penulis-penulis yang menyatakan bahawa apa jua undang-undang yang disenaraikan di dalam buku ini merupakan undang-undang yang relevan dan berkuatkuasa pada Mac 2019.

Bab 2 buku ini diteruskan dengan perbincangan yang mengkhusus pada golongan rentan kanak-kanak. Perbincangan dimulai dengan pengenalan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Konvensyen Hak Kanak-kanak (UNCRC) yang merangkumi aspek prinsip UNCRC iaitu kepentingan kanak-kanak, diskriminasi dan juga penyertaan. Prinsip UNCRC tersebut dapat dilihat di dalam beberapa artikel UNCRC seperti artikel 2, artikel 3, artikel 6 dan juga artikel 12. Penulis-penulis di dalam bab ini juga menyatakan ketidaksediaan Malaysia dalam menerima pakai beberapa peruntukkan UNCRC seperti kebebasan beragama, nama dan warganegara kerana ia tidak selaras dengan perlembagaan, dasar dan polisi kerajaan Malaysia termasuklah perundangan Islam. Dalam bab yang sama, penulis-penulis membincangkan kedudukan kanak-kanak menurut perspektif Islam dan Undang-Undang di Malaysia serta membincangkan tiga isu utama yang sering melibatkan kanak-kanak iaitu penderaan, pengabaian dan pesalah muda di Malaysia. Bagi perbincangan berkaitan penderaan kanak-kanak, penulis-penulis menyenaraikan empat jenis penderaan iaitu penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian, namun, fokus penulis-penulis hanya tertumpu pada perbincangan berkaitan penderaan seksual sahaja. Perbincangan berkaitan penderaan pengabaian pula dirangkumkan di dalam perbincangan isu utama berkaitan pengabaian sekaligus mengundang kekeliruan di kalangan pembaca yang tercari-cari sama ada pengabaian dan penderaan pengabaian merupakan sesuatu yang berbeza atau sebaliknya. Perbincangan diteruskan dengan isu utama yang ketiga iaitu berkaitan pesalah muda di Malaysia meliputi aspek pendefinisian juvana, hukuman ke atas pesalah muda dan masalah ponteng sekolah. Di penghujung bab 2 ini, penulis-penulis menyenaraikan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan kanak-kanak dan perbincangan ditutup dengan harapan penulis-penulis agar isu-isu sosial yang melibatkan kanak-kanak seperti buli siber dan ketagihan internet diberi perhatian bagi memastikan kelangsungan generasi kanak-kanak di masa akan datang.

Perbincangan berkaitan golongan rentan wanita dinukilkan di dalam bab 3 buku ini. Sekilas pandang, susunan bab 3 ini mirip dengan susunan perbincangan di dalam bab 2 seperti hak wanita menurut perspektif Islam serta perbincangan isu-isu utama berkaitan wanita. Kedudukan wanita di bawah undang-undang antarabangsa menjadi topik awal perbincangan dalam bab 3 buku ini yang mana Malaysia meratifikasi Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) berkaitan wanita selain perbincangan ringkas tentang undang-undang berkaitan wanita di Malaysia dan hak wanita menurut perspektif Islam. Beberapa isu berkaitan wanita dibangkitkan oleh penulis-penulis seperti hak untuk mendapatkan pendidikan, kesihatan, hak untuk mendapat pekerjaan, pemerdagangan wanita dan gangguan seksual namun hanya tiga isu utama yang dibincangkan iaitu gangguan seksual termasuk keganasan rumahtangga ke atas wanita, hak untuk mendapat pekerjaan dan cuti bersalin. Di penghujung bab 3 ini, penulis-penulis mengetengahkan polisi kerajaan iaitu *Family Friendly Policy* (FFP) dan *Work Life Balance* yang telah mula menjadi isu perbincangan terutama di kalangan kakitangan wanita, seperti jadual waktu bekerja anjal, perkongsian kerja, bekerja dari rumah dan bekerja dalam talian. Penulis-penulis menyarankan agar kerajaan menyediakan mekanisma tertentu yang menyokong polisi tersebut bagi memudahkan wanita bekerja dan memastikan agar latihan yang secukupnya disediakan bagi pekerja sosial membantu wanita yang menghadapi trauma serta cabaran dalam menghadapi isu semasa.

Bab 4 buku ini mengkhusus pada perbincangan golongan rentan warga tua, iaitu individu yang berumur 65 tahun dan ke atas. Menurut perspektif undang-undang antarabangsa, pelbagai pelan

telah diwujudkan bagi melaksanakan langkah-langkah untuk menangani cabaran yang bakal dihadapi oleh warga tua seperti, *Vienna International Plan of Action on Ageing 1982*, *United Nation Principles for Older Persons 1991*, *Proclamation on Ageing 1982*, *Madrid International Plan for Action Ageing 2002* dan *Berlin Ministerial Declaration 2002*. Perbincangan berkaitan warga tua ini diteruskan dengan kedudukan warga tua di bawah undang-undang Malaysia. Menurut penulis-penulis, tidak ada undang-undang yang secara spesifik memperuntukkan kesalahan terhadap penderaan warga tua, namun terdapat beberapa perundangan seperti, Perlembagaan Malaysia, Akta Keganasan Rumahtangga 1994, Kanun Keseksaan dan undang-undang tort yang secara tidak langsung menyentuh perkara berkaitan warga tua. Melihat pada situasi ini, penulis-penulis mencadangkan agar penderaan terhadap warga tua disebut secara spesifik di dalam mana-mana peruntukkan undang-undang agar hak warga tua dilindungi dan dipelihara. Selain itu, bab 4 ini juga menggariskan beberapa dasar yang diwujudkan bagi menjaga kebajikan warga tua, antaranya, Dasar Kebajikan Sosial Kebangsaan 1990, Dasar Warga Emas Kebangsaan 1995 dan yang terkini ialah Dasar Warga Tua Kebangsaan (2010-2015). Selain itu, kedudukan warga tua menurut perspektif Islam juga dibincangkan berpandukan pada ayat-ayat Al-Quran dan Hadis yang menyebut tentang kepentingan menghormati dan menyantuni warga tua terutamanya ibu bapa.

Penulisan dalam bab 4 ini diteruskan dengan perbincangan berkaitan isu-isu terpilih yang melibatkan warga tua serta polisi-polisi berkaitan warga tua. Penulis-penulis menjelaskan bahawa penderaan tidak hanya terhad pada penderaan fizikal, malah ia merangkumi penderaan seks, emosi, kewangan serta pengabaian. Isu berkaitan mewujudkan undang-undang yang mewajibkan anak-anak untuk menjaga ibu bapa, seperti memberi nafkah hangat diperdebatkan, namun penulis-penulis menyatakan bahawa cadangan ini tidak diterima oleh pelbagai pihak. Selain isu tersebut, kesihatan warga tua serta peranan dan tanggungjawab pekerja sosial di hospital untuk membantu warga tua bagi tujuan kesihatan juga menjadi isu pilihan penulis-penulis di dalam bab ini. Menurut penulis-penulis, tanggungjawab pekerja sosial di hospital akan menjadi lebih mencabar dek kerana pertambahan bilangan warga tua yang sinonim dengan pelbagai masalah berkaitan kesihatan. Sebagai penutup bagi bab 4 buku ini, penulis-penulis mencadangkan agar hak-hak yang bersangkutan dengan warga tua dilihat semula oleh badan-badan berautoriti bagi tujuan memastikan kesejahteraan warga tua dipelihara.

Perbincangan berkaitan golongan rentan diteruskan lagi di dalam bab 5 yang memfokus pada golongan rentan kurang upaya yang secara ringkasnya dirujuk sebagai kurang upaya sama ada dari segi fizikal atau mental untuk melakukan apa jua aktiviti. Bab 5 ini menerangkan secara ringkas pelbagai pendefinisian orang kurang upaya yang diketengahkan oleh konvensyen-konvensyen di peringkat global. Selain itu, perbincangan turut menyentuh tentang kedudukan orang kurang upaya di sisi undang-undang antarabangsa termasuk di Malaysia. Sebagai contoh, Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) telah diwujudkan di Malaysia bagi membantu memelihara dan melindungi hak orang kurang upaya di Malaysia. Selain itu, isu diskriminasi golongan kurang upaya serta “stigma” dalam kalangan masyarakat yang dihadapi oleh golongan ini sejak dahulu lagi merupakan antara isu yang dibangkitkan oleh penulis-penulis di samping menyatakan kebimbangan mereka terhadap golongan kurang upaya wanita kerana golongan ini lebih terdedah dengan risiko keganasan, kecederaan serta pengabaian sama ada di dalam atau di luar tempat tinggal mereka. Penulis-penulis juga turut menyentuh isu berkaitan hak untuk mendapatkan pendidikan bagi golongan kurang upaya kanak-kanak serta berharap

agar SUHAKAM dapat meneruskan usaha memantau pelaksanaan komitmen yang telah diberikan oleh kerajaan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat hak mereka dalam pendidikan. Sebelum menutup perbincangan di dalam bab 5 ini, penulis-penulis menyatakan secara ringkas tentang perpsektif Islam terhadap golongan kurang upaya melalui kajian literatur, namun tidak dinyatakan secara jelas berhubung dengan potongan ayat Al-Quran atau Hadis yang menyebut tentang golongan ini. Perbincangan di bab 5 buku ini disudahi dengan harapan penulis-penulis agar polisi yang lebih berstruktur diwujudkan bagi golongan kurang upaya supaya ia dapat mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang awam berkaitan dengan sifat, masalah serta potensi yang dihadapi oleh golongan tersebut.

Perlindungan bagi golongan rentan pelarian dibincangkan di dalam bab 6 buku ini. Perbincangan bab 6 buku ini dimulakan dengan maksud terma “pelarian” menurut dokumen-dokumen di peringkat antarabangsa berkaitan golongan tersebut seperti *Convensyen Relating to the Status of Refugees* (CRSR) dan *International Organisation of Migration*. Perbincangan berkaitan pelarian di bawah dokumen CRSR menjadi fokus perbincangan penulis dan ia dikaitkan dengan peranan Agensi Pelarian Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR) yang bertanggungjawab untuk melaksanakan peruntukan yang terkandung di dalam CRSR, antaranya hak untuk mendapatkan pekerjaan, hak mendapatkan pendidikan, hak tempat tinggal, hak kebebasan beragama dan hak untuk mendapatkan akses mahkamah. Selain itu, penulis-penulis juga menjelaskan tentang peranan UNHCR di Malaysia yang saling membantu dengan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan serta organisasi bukan kerajaan di samping undang-undang yang wujud di Malaysia yang melindungi pelarian. Berdasarkan pada laporan dari UNHCR Malaysia tahun 2019, penulis-penulis menyatakan bahawa terdapat 180,000 pelarian di Malaysia yang datang dari pelbagai negara seperti Indonesia, Myanmar, Nepal, Sri Lanka, Somalia, Iraq dan Afghanistan.

Penulis-penulis juga merujuk pada peruntukkan Perlembagaan Malaysia berkaitan dengan pelarian serta kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah berkaitan golongan tersebut. Selain rujukan terhadap Perlembagaan Malaysia, penulis-penulis juga turut membincangkan Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 151) berserta dengan peruntukkan yang terkandung di dalamnya yang memberi kesan langsung terhadap pelarian di sisi undang-undang di Malaysia. Di penghujung bab 6 ini, penulis-penulis menerangkan tentang kedudukan pelarian di sisi Islam secara ringkas dengan merujuk pada penulisan-penulisan oleh sarjana Islam terdahulu berkaitan pelarian seperti penulisan oleh Prof. Ahmed Abou El-Wafa. Penulis-penulis mencadangkan supaya Malaysia mewujudkan satu kerangka undang-undang yang lebih formal berkaitan pelarian memandangkan Malaysia telah sekian lama menyediakan tempat berteduh bagi mereka tanpa menyatakan dengan jelas pendirian Malaysia dari segi undang-undang berkaitan perlindungan yang diberikan pada pelarian di Malaysia.

Bab terakhir sebelum penutup bagi buku ini, iaitu bab 7 memfokus pada perbincangan golongan rentan orang asli. Sebagai mukadimah bab 7 ini, penulis-penulis memberikan gambaran umum tentang orang asli di Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak. Sekali imbas, susunan perbincangan di dalam bab ini mirip dengan bab-bab yang lain di dalam buku ini, namun jika diperhatikan secara teliti, takrifan untuk terma “orang asli” diletakkan selepas perbincangan berkaitan kedudukan orang asli menurut undang-undang antarabangsa. Ini menyebabkan pembaca sedikit terganggu kerana secara kebiasaanya, pembaca akan mengharapkan pendefinisian terma di awal perbincangan seperti di dalam bab-bab sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan seterusnya di dalam bab ini telah diatur mengikut susunan seperti di dalam bab-bab yang sebelum ini. Di dalam bab 7 ini juga, penulis-penulis telah menerangkan tentang undang-undang serta badan yang bertanggungjawab memelihara kebajikan orang asli di Malaysia iaitu Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Beberapa isu berkaitan orang asli juga turut menjadi fokus perbincangan di dalam bab 7 ini antaranya isu berkaitan tanah orang asli. Menurut penulis-penulis, isu berkaitan tanah orang asli tidak hanya mengkhusus pada isu ekonomi sahaja, malah ia melibatkan isu sosial, budaya, agama dan kepentingan sejarah. Selain isu berkaitan tanah, orang asli juga berdepan dengan isu hak untuk mendapatkan pendidikan terutama bagi kanak-kanak orang asli, hak kesihatan serta isu berkaitan program-program pembangunan berkaitan orang asli. Bab 7 ini ditutup dengan kesimpulan dari penulis-penulis yang menyatakan agar program berkaitan pembangunan orang asli diperkasa dan diteruskan bukan sahaja oleh kerajaan malah oleh masyarakat sekeliling.

Penulisan buku ini diakhiri dengan kesimpulan dari penulis-penulis di dalam bab 8. Penulis-penulis menyimpulkan bahawa terdapat pelbagai kelompok golongan rentan seperti yang telah dibincangkan secara terperinci di dalam buku ini. Dalam masa yang sama, penulis-penulis membangkitkan isu berkaitan kedudukan pekerja sosial di Malaysia yang hanya tertumpu pada sektor pekerjaan di hospital berbanding dengan sektor lain. Penulis-penulis juga menyatakan hasrat agar usaha bersepadu diambil oleh kerajaan, badan-badan sukarelawan dan masyarakat dalam menyediakan garis panduan serta mekanisma bagi memperkasa jurang dalam usaha membantu golongan rentan serta memastikan agar pekerja sosial dapat menjalankan tugas mereka secara profesional dan beretika.

Secara keseluruhannya, buku ini memberikan penerangan yang tuntas berkaitan golongan rentan kanak-kanak, wanita, warga tua, orang kurang upaya, pelarian dan juga orang asli. Penggunaan bahasa yang jelas dan mudah difahami serta susunan perbincangan yang konsisten di setiap bab dalam buku ini merupakan tarikan utama naskhah ini. Tidak ketinggalan juga, buku ini amat sesuai dijadikan rujukan utama dalam kalangan pelajar-pelajar di peringkat menengah atau universiti dan orang awam yang ingin berkecimpung dalam bidang kerja sosial sama ada di peringkat nasional atau di peringkat global.

**Haliza A. Shukor**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)